

20/06/1999

Pengiktirafan bagi bekas ahli S46

BEKAS ahli Parti Melayu Semangat 46 (S46) menyifatkan keputusan Majlis Tertinggi (MT) membenarkan mereka bertanding dalam pilihan raya sebagai pengiktirafan terhadap kehadiran mereka dalam Umno.

Mereka yakin keputusan itu akan memberi semangat baru kepada semua ahli bekas S46 dan yakin Umno mendapat sokongan lebih padu terutama di Kelantan.

Ketua Umno Gua Musang yang juga bekas Presiden S46, Tengku Razaleigh Hamzah ketika mengalu-alukan keputusan MT itu berkata, pihaknya menyerahkan kepada pucuk pimpinan menentukan calon daripada bekas ahli S46 untuk bertanding.

"Jumlah bilangan bekas ahli S46 yang akan bertanding bergantung kepada hak atau tidak berhak atau layak atau tidak layak calon berkenaan.

"Ahli S46 bukan menjadi ahli baru Umno sebaliknya ahli lama yang tidak dikenakan syarat lima tahun sebelum dibolehkan bertanding," katanya.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat MT Selasa lalu berkata, Umno mengecualikan bekas ahli S46 daripada peruntukan Perlembagaan Umno.

Pindaan Perlembagaan yang dibuat dalam Perhimpunan Khas Umno baru-baru ini menetapkan peruntukan sekurang-kurangnya lima tahun menjadi ahli sebelum layak bertanding dalam pilihan raya.

Bekas Timbalan Presiden S46, Datuk Dr Rais Yatim, pula berkata pengumuman Dr Mahathir itu meredakan keadaan di peringkat negeri, bahagian dan cawangan yang membabitkan bekas ahli S46.

Menurutnya, bekas ahli S46 sekarang sama taraf dengan ahli Umno lama dan ini membolehkan BN semakin kuat.

"Pasukan petugas pilihan raya sekarang akan lebih kental dan Pas tidak lagi boleh mencerca bekas ahli S46 sebagai kelas kedua," katanya.

Rais yang juga Penasihat Umno Jelebu, berkata pengumuman itu tidak bercanggah dengan Perlembagaan Umno kerana bekas ahli S46 masuk Umno sebagai anggota asal.

Sementara itu, bekas Ketua Pemuda S46, Roslan Latip, berkata langkah berkenaan akan membolehkan Barisan Nasional (BN) mengambil balik Kelantan daripada Pas.

"Ini kerana di Kelantan saja ada 120,000 bekas ahli S46 masuk Umno. Jika khabar angin Tengku Razaleigh akan menjadi Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan benar, saya yakin 100 peratus bahawa Umno akan dapat tawan semula Kelantan," katanya.

Bekas Naib Presiden S46, Datuk Zainal Abidin Zin, pula berkata peluang bertanding kini hanya bergantung kepada kesanggupan individu untuk berkhidmat kepada rakyat dan parti.

"Ahli S46 dulu adalah ahli Umno yang tidak membayar yuran, tetapi kini menyambung semula bayaran yurannya. Ini kerana Perlembagaan dan asas perjuangan S46 sama dengan Umno," katanya.

(END)